

**Najib Dan Rombongan Tunai Umrah
Bernama
13 Ogos, 2012
Daripada Azeman Ariffin**

MAKKAH, 13 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang tiba di tanah suci Makkah awal Isnin bagi menghadiri Sidang Kemuncak Luar Biasa kali ke-4 Persidangan Kerjasama Islam (OIC) pada Selasa, memulakan aturcara beliau dengan menunaikan ibadah Umrah.

Najib dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor serta anggota rombongannya termasuk Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi Datuk Syed Omar Mohamad Al-Saggaf memulakan ibadah Umrah dengan tawaf mengelilingi Kaabah kira-kira 7 pagi waktu tempatan.

Sidang Kemuncak Luar Biasa OIC itu bertujuan membincangkan situasi terkini di negara dan dunia Islam dengan hasrat mengembalikan dan mengukuhkan perpaduan umat Islam serata dunia serta memerangi unsur yang membawa kepada perbalahan dan kekacauan.

Sidang kemuncak anjuran Raja Arab Saudi Raja Abdullah Abdul Aziz itu berlangsung di As-Safa Palace yang terletak bersebelahan Masjidil Haram dan ia bermula selepas solat tarawih kira-kira 11 malam sehingga waktu bersahur kira-kira 4 pagi mulai malam Selasa dan Rabu.

Kesemua 57 pemimpin dan wakil negara anggota OIC telah mengesahkan akan menghadiri sidang kemuncak luar biasa berkenaan.

Najib dijangka menyampaikan kenyataan pendirian Malaysia terhadap isu yang bakal dibangkitkan dalam sidang kemuncak itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687768>